

KUMPULAN BANK ISLAM CATAT KEUNTUNGAN BERSIH RM396.8 JUTA UNTUK SUKU KETIGA 2024

SOROTON

- Jumlah Pendapatan Bersih Kumpulan meningkat 2.1% tahun-ke-tahun (y-o-y) untuk mencapai RM1.9 bilion.
- Margin pendapatan bersih (NIM) turut mengukuh kepada 2.15% bagi tempoh sembilan bulan 2024 (9M2024) berbanding 2.11% yang dicatat pada 9M2023.
- Jumlah Aset meningkat sebanyak 6.5% y-o-y kepada RM93.8 bilion, didorong oleh pertumbuhan pelaburan sekuriti dan pembiayaan.
- Pembiayaan terjejas kasar dan nisbah kos kredit pembiayaan masing-masing berada pada 1.02% dan 0.23%, mencerminkan kualiti aset yang baik
- Pertumbuhan kukuh 6.0% y-o-y bagi akaun deposit dan pelaburan pelanggan dengan komposisi CASATIA yang sihat pada 37.1%.
- Keuntungan Bersih direkodkan pada RM396.8 juta.
- Kedudukan modal teguh dengan Jumlah Nisbah Modal sebanyak 20.2%.

KUALA LUMPUR, Jumaat, [29 November 2024]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) merekodkan keuntungan bersih sebanyak RM396.8 juta bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2024 (9M2024), meningkat sebanyak 0.5% berbanding tempoh sama pada 2023. Keuntungan ini dipacu oleh pendapatan bersih lebih tinggi dan pengurangan peruntukan bersih rosot nilai ke atas pembiayaan.

Sebahagian besar daripada pertumbuhan pendapatan bersih Kumpulan telah dipacu oleh kenaikan 4.9% pendapatan berasaskan dana bersih yang meningkat kepada RM1.6 bilion, disokong oleh pertumbuhan pelaburan sekuriti dan pembiayaan y-o-y. Oleh itu, margin pendapatan bersih (NIM) meningkat kepada 2.15% bagi 9M2024 berbanding 2.11% pada 9M2023. Selain itu, Kumpulan merekodkan pertumbuhan fi dan komisen sebanyak 10.8% y-o-y bagi tempoh penilaian. Walau bagaimanapun, jumlah pendapatan bukan berasaskan dana menyusut 12.4% y-o-y, disebabkan oleh penurunan perolehan bersih daripada transaksi tukaran mata wang asing dan pendapatan pelaburan yang rendah.

Peruntukan bersih Kumpulan untuk pembiayaan terjejas dan pendahuluan menurun sebanyak 29.9% kepada RM115.5 juta. Angka ini mencerminkan kemajuan dalam kos pembiayaan kredit kepada 0.23% berbanding 0.33% yang dicatatkan pada 9M2023. Setakat 30 September 2024, nisbah pembiayaan terjejas kasar berada pada 1.02%, jauh lebih baik berbanding purata industri sebanyak 1.54%, mempamerkan kualiti aset Kumpulan yang teguh.

Jumlah aset Kumpulan berada pada kedudukan RM98.3 bilion pada akhir September 2024, pengukuhan y-o-y 6.5% yang didorong oleh pertumbuhan pelaburan sekuriti dan pembiayaan. Oleh itu, aset bersih sesaham lebih tinggi pada RM3.43 berbanding 9M2023. Pertumbuhan pembiayaan kasar dipacu oleh peningkatan y-o-y sebanyak 5.5% dalam pembiayaan pelanggan dan 6.4% dalam pembiayaan komersial. Walau bagaimanapun, penyusutan dalam pembiayaan korporat telah menyebabkan jumlah pembiayaan kasar mencatatkan pertumbuhan 1.7% y-o-y kepada RM68.5 bilion.

Akaun deposit dan pelaburan pelanggan meningkat 6.0% y-o-y kepada RM78.4 bilion. Sementara akaun semasa, simpanan dan pelaburan transaksi (CASATIA) berada pada RM29.1 bilion setakat September 2024, diterjemahkan kepada komposisi CASATIA yang sihat sebanyak 37.1%.

Nisbah Jumlah Modal kekal teguh pada 20.2% setakat 30 September 2024.

Walaupun berdepan keadaan pasaran yang mencabar, Bank Islam menunjukkan ketahanan dan kemajuan berterusan dalam perjalanan strategiknya menjadi sebuah institusi kewangan yang bersedia menghadapi masa depan. Ia terus mengukuhkan komitmen ke arah inovasi dan penghasilan nilai mampan dengan mengutamakan pelaburan signifikan dalam teknologi terkini. Usaha-usaha ini tertumpu kepada meningkatkan pengalaman pelanggan, menaik taraf kecekapan operasi, meningkatkan ketahanan teknologi dan siber serta menjadikan operasi Kumpulan kalis masa depan.

Beberapa sebab menyokong penekanan Bank Islam terhadap pelaburan teknologi. Kumpulan memberi tumpuan bukan hanya kepada keperluan semasa tetapi juga peluang akan datang. Ia bertujuan untuk meningkatkan pengalaman pelanggan melalui platform digital yang diperbaharui dan meningkatkan kecekapan operasi melalui penggunaan automasi dan pendigitalan. Selain itu, Bank Islam memastikan ketahanan teknologi untuk mengekalkan infrastruktur yang stabil. Langkah keselamatan sibernya yang kukuh direka untuk memelihara data dan mengekalkan kepercayaan pelanggan. Inisiatif strategik seperti Data Lake yang didayakan oleh kecerdasan buatan (AI) berasaskan awan bertujuan untuk mengekalkan daya saing dengan menyediakan penyelesaian inovatif patuh Syariah. Dengan menggunakan teknologi seperti awan (*Cloud*), Data raya (*Big Data*), Open API dan AI Generatif (*Generative AI*), Bank Islam bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan dan secara aktif menerima potensi gangguan industri.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Sektor perkhidmatan kewangan sedang berkembang maju, didorong oleh keperluan pelanggan dan perkembangan teknologi. Mengambil kira perbelanjaan kami, pelaburan ini perlu untuk memastikan kami seiring dengan trend industri dan mencapai penanda aras baharu perbankan Islam."

Hasil utama inisiatif ini termasuk suai tugas digital yang mudah dan ciri-ciri perbankan dipertingkatkan melalui aplikasi mudah alih BIBM Mobile dan platform perbankan Internet BIBM Web yang baru dilancarkan. Penambahbaikan ini mengambil kira maklumbalas pelanggan berkaitan penggunaan, mementingkan kemudahan, akses dan keterangkuman. Selain itu, teknologi terkini juga dimanfaatkan untuk meningkatkan keselamatan dan pengurusan risiko, melindungi pelanggan daripada aktiviti penipuan, pada masa sama, memacu pertumbuhan perniagaan yang mampan.

"Tumpuan strategik kepada teknologi ini melambangkan komitmen kami untuk kekal kompetitif dan memupuk kerjasama jangka panjang dengan pemegang taruh. Dengan mengutamakan transformasi digital, Bank Islam sedang membina ekosistem kukuh yang memanfaatkan pelanggan, kakitangan dan masyarakat," tambah Mohd Muazzam.

Bank Islam kekal komited menerajui amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus patuh Syariah (Syariah-ESG), memberi penekanan terhadap penyelesaian perbankan inovatif dan inisiatif kewangan sosial berimpak. Memperlihatkan komitmennya dalam memacu ekonomi hijau, Kumpulan telah mengatasi sasaran asal RM4 bilion bagi pembiayaan hijau untuk tahun 2025 dengan mencapai RM4.8 bilion pada akhir September 2024.

"Perjalanan kami bukan hanya tentang penggunaan teknologi – ia juga mengenai perubahan yang kami lakukan untuk memberi nilai kepada pemegang taruh. Kami sedang membina institusi berdaya tahan, maju dan kekal berpegang pada prinsip Syariah" tegas Mohd Muazzam.

Pencapaian

Dari sudut perniagaan, Bank Islam telah memperkukuh portfolio pengurusan kekayaan patuh Syariahnya dengan menyediakan 55 dana yang turut meliputi hasil kerjasama strategik dengan Nomura Asset Management Malaysia dan PMB Investment Berhad. Kolaborasi strategik ini membolehkan Bank Islam memenuhi kehendak pelanggan yang sentiasa berubah, di samping memacu pertumbuhan aliran pendapatan berasaskan fi.

Baru-baru, Bank Islam berperanan sebagai Penasihat Utama, Pengatur Utama, dan Penasihat Syariah bagi terbitan Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) Air Selangor yang bernilai RM1.2 bilion. Pencapaian ini merupakan terbitan terbesar di bawah program Sukuk Murabahah Air Selangor dan mencapai lebihan langganan sebanyak 4.95 kali, sekali gus membuktikan keupayaan Bank Islam dalam memajukan penyelesaian kewangan mampan. Dengan penglibatan bernilai RM4.3 bilion dalam terbitan Penarafan dan Jaminan Kerajaan, Bank Islam kini berada dalam lima kedudukan teratas Carta Liga Sukuk Islam MYR, memperkukuh komitmennya terhadap pembangunan mampan pasaran modal.

Bank Islam komited dalam menyediakan pengalaman pelanggan terbaik, ditunjukkan melalui pelancaran program “Pay with Rewards™” dengan kerjasama Mastercard, yang pertama seumpamanya di Malaysia dan rantau Asia Pasifik. Program inovatif ini membolehkan pemegang Kad Kredit-i Mastercard Bank Islam memperoleh dan menebus mata ganjaran dengan serta-merta di lebih 100 juta lokasi penerimaan Mastercard di seluruh dunia. Dengan menyepadukan “Pay with Rewards Mastercard” dengan sistem TruPoints Bank Islam, pemegang kad dapat menikmati pengalaman penebusan ganjaran yang lebih lancar dan anjal.

Bank Islam juga memperkukuh komitmennya untuk memperkasakan usahawan mikro melalui kerjasama strategik dengan Waqaf An-Nur Corporation Berhad. Kerjasama ini menunjukkan dedikasi Bank Islam untuk meningkatkan golongan asnaf dan B40 dengan mempromosikan pertumbuhan mampan perniagaan mikro menerusi sumbangan RM120,000 kepada Program Pembiayaan Mikro iTEKAD (iTEKAD). Selain sokongan kewangan, Bank Islam juga menawarkan latihan kemahiran praktikal kepada usahawan mikro untuk membina daya tahan menghadapi cabaran masa kini. Bank telah menubuhkan empat Hab Usahawan iTEKAD di seluruh negara menerusi jalinan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi terpilih bagi mencipta ekosistem untuk kejayaan usahawan mikro. Sejak iTEKAD dimulakan pada tahun 2020, Bank Islam telah memberi manfaat kepada lebih daripada 1,600 individu menerusi pengagihan berjumlah RM31 juta, termasuk RM10.67 juta pada tahun 2024 sahaja.

Bank Islam terus melaksanakan pelaburan strategik yang menumpukan kepada kesan mampan bagi memastikan semua pemegang taruh memperoleh manfaat daripada inisiatif transformasi yang dilaksanakan. Dengan menitikberatkan inovasi, aksesibiliti dan perkhidmatan yang direka khusus, Bank Islam secara proaktif membentuk pengalaman perbankan berpusatkan pelanggan yang bertujuan membina kepercayaan dan kesetiaan pelanggan. Melalui penggunaan infrastruktur dan teknologi digital terkini, pelaksanaan program sosial berimpak dan inisiatif mesra alam, usaha Kumpulan bukan hanya melangkaui matlamat mencipta keuntungan semata-mata, malah memberi tumpuan kepada impak positif yang menyeluruh.

Tinjauan Industri

Jabatan Perangkaan Malaysia, dalam laporannya bertarikh 21 Oktober 2024, menyatakan pertumbuhan ekonomi kukuh sebanyak 5.3% pada suku ketiga 2024, didasarkan pada prestasi mantap pada suku sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan serta disokong oleh pasaran buruh yang stabil, tekanan inflasi sederhana, sokongan dasar fiskal dan monetari serta pemulihan berterusan dalam sektor pelancongan yang dijangka menyumbang kepada momentum pengukuhan ekonomi.

Pendekatan Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan dasar monetari yang stabil dijangka dapat membentuk keyakinan dan menggalakkan permintaan terhadap pembiayaan yang

mampu mengukuhkan portfolio pembiayaan bank serta meningkatkan keuntungan mereka, sejajar prospek ekonomi yang semakin kukuh. Selain itu, Bank Dunia turut meramalkan pertumbuhan KDNK Malaysia sebanyak 4.9% bagi tahun 2024, mencerminkan prospek positif untuk sektor perbankan dalam dinamik ekonomi yang kian mengukuh.

RAM Ratings telah memberi penarafan AA3/Stabil/P1 Penarafan Institusi Kewangan (FIR) kepada Bank Islam dan program-program sukuknya. Penegasan semula penarafan ini mencerminkan kekuatan kredit tersendiri Bank Islam, disokong oleh kualiti aset yang kukuh, modal yang sihat serta profil pendanaan dan kecairan yang memuaskan.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.